

HUBUNGAN ANTARA SIKAP, MINAT DAN GAYA
PEMBELAJARAN TERHADAP PEMBELAJARAN
JAWI MURID SEKOLAH RENDAH
DI HULU SELANGOR

AINATUL AMANAH BT MHD BAKRI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

HUBUNGAN ANTARA SIKAP, MINAT DAN GAYA PEMBELAJARAN
TERHADAP PEMBELAJARAN JAWI MURID SEKOLAH RENDAH DI
HULU SELANGOR

AINATUL AMANAH BT MHD BAKRI

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي فديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 30/11/2022

Perakuan pelajar:

Saya, AINATUL AMANAH BT MHD BAKRI, M20162002081 Fakulti Pembangunan Manusia dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk HUBUNGAN ANTARA SIKAP, MINAT DAN GAYA PEMBELAJARAN TERHADAP PEMBELAJARAN JAWI MURID SEKOLAH RENDAH DI HULU SELANGOR adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Perakuan penyelia:

Saya PROFESOR MADYA DR. MOHD NAZIR B. MD ZABIT dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGAN ANTARA SIKAP, MINAT DAN GAYA PEMBELAJARAN TERHADAP PEMBELAJARAN JAWI MURID SEKOLAH RENDAH DI HULU SELANGOR dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH).

27/12/2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيورسيٲى فنډيديقن سلطان اڤريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: HUBUNGAN ANTARA SIKAP, MINAT DAN GAYA PEMBELAJARAN
TERHADAP PEMBELAJARAN JAWI MURID SEKOLAH RENDAH DI
HULU SELANGOR

No. Matrik / Matric's No.: M20162002081

Saya / I: AINATUL AMANAH BT MHD BAKRI

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 27/12/2022

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W kerana dengan limpah rahmat dan izin pertolongan daripadaNya, dapat juga disiapkan kertas kajian penyelidikan ini dalam masa yang ditetapkan. Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Mohd Nazir bin Md Zabir selaku pensyarah dan penyelia saya kerana dengan bantuan idea, sokongan dan tunjuk ajar beliau, dapat juga akhirnya kajian penyelidikan ini disempurnakan. Tidak lupa juga kepada suami yang tercinta Mohamad Sani bin Samuri serta keluarga yang dikasihi, sokongan dan galakkan kalian semua memberi semangat dan kekuatan kepada saya untuk menghadapi segala cabaran dan tugas yang diamanahkan, seterusnya mencapai kejayaan yang diidamkan. Selain itu, buat semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk menyiapkan tugas ini, dan yang tidak dapat saya nyatakan di sini sekali lagi ucapan terima kasih daripada saya. Ribuan kemaafan juga dipohon di atas sebarang kesilapan dan kesalahan dalam penyediaan kertas kajian penyelidikan ini. Hanya Allah sahaja yang mampu menilai dan membalas jasa baik kalian. Akhir kata, semoga kita semua sentiasa diberkati dan dirahmati dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah yang diberikan. Semua yang baik itu datang daripada Allah S.W.T, manakala yang tidak baik datangnya dari kelemahan diri yang serba kekurangan ini.

AINATUL AMANAH BT MHD BAKRI



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai hubungan di antara sikap, minat dan gaya pembelajaran murid Tahun lima terhadap pembelajaran jawi di Daerah Hulu Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah Kuantitatif secara tinjauan untuk mengenalpasti gaya belajar, sikap dan minat murid semasa pembelajaran Jawi. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A merangkumi maklumat diri murid. Manakala bahagian B pula merangkumi 37 item soalan berkaitan dengan gaya pembelajaran. Bahagian C pula merupakan 10 item soalan berkaitan dengan sikap terhadap pembelajaran jawi dan bahagian D terdiri daripada tujuh item soalan yang berkaitan minat murid terhadap pembelajaran jawi. Sampel kajian seramai 349 orang murid tahun lima dipilih secara rawak dari sekolah-sekolah rendah Daerah Hulu Selangor. Data kajian dianalisis secara deskriptif. Dapatan menunjukkan tahap gaya pembelajaran murid tahun lima adalah sederhana ($M=2.82$; $SD=0.21$). Manakala sikap murid terhadap pembelajaran jawi berada dalam tahap sederhana ($M=3.31$; $SD=0.40$). Minat murid terhadap pembelajaran jawi juga berada pada tahap sederhana ($M=3.34$; $SD=0.43$). Dapatan juga mendapati hubungan antara sikap murid dengan gaya pembelajaran adalah positif ($r=0.565$; $P=0.349$), dan hubungan antara minat dengan gaya pembelajaran pula terdapat hubungan positif ($r=0.544$; $P=0.349$). Kesimpulan daripada dapatan kajian ini diharap dapat memberi impak yang besar kepada semua pihak yang terlibat dengan dunia pendidikan khususnya dalam peringkat sekolah rendah. Implikasi kajian ini ialah semua pihak perlu bekerjasama dalam mengenalpasti gaya pembelajaran murid supaya dapat membentuk sikap dan minat mereka dalam pembelajaran khususnya pembelajaran jawi berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan Falsafah Pendidikan Negara.

CORRELATION BETWEEN THE ATTITUDE, INTEREST, AND LEARNING STYLE OF THE STUDENTS' IN THE LEARNING OF JAWI WITHIN THE DISTRICT OF HULU SELANGOR

ABSTRACT

This study aims to assess the correlation between the attitude, interest, and learning style of the Year 5 students in the learning of *Jawi* within the district of Hulu Selangor. This study applies the Quantitative method of the survey to identify the learning style, attitude, and students' interest in learning *Jawi*. A set of questionnaires consisting of four parts is utilized as the instrument of the study. Part A contains students' personal information while Part B consists of 37 items questionnaire regarding learning style. Part C is a 10 items questionnaire related to students' attitudes in learning *Jawi* and Part D consists of 7 items questionnaire regarding questions related to students' interest in learning *Jawi*. 349 students were chosen randomly from the primary schools within the district of Hulu Selangor as samples of the study. The result of the study is analyzed descriptively. The finding of the study presents that students' learning style in *Jawi* is moderate ($M=2.82$; $SD=0.21$). Meanwhile, students' attitude towards the learning of *Jawi* is moderate as well ($M=3.31$; $SD=0.40$). Students' interest in learning *Jawi* is also moderate ($M=3.34$; $SD=0.43$). The finding of the research also identifies that there is a positive correlation between students' attitude and their learning style ($r=0.565$; $P=0.349$), and there is also a positive relationship between interest and learning style ($r=0.544$; $P=0.349$). The conclusion that derives from the research finding is hoped to render a big impact on all parties involved in the educational realm, especially at the primary level. The implication of the research indicates that all parties should work hand in hand in identifying the students' learning styles to form their attitude and interest in learning *Jawi* especially according to the Primary School Curricular Standard and National Education Philosophy.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xii

SENARAI RAJAH xiii

SENARAI SINGKATAN xiv

BAB 1 PENDAHULUAN 1

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 2

1.3 Pernyataan Masalah 4

1.4 Objektif Kajian 9

1.5 Persoalan Kajian 9

1.6 Kepentingan Kajian 10

1.7	Batasan Kajian	11
1.8	Kerangka Teori	12
1.8.1	Teori Pembelajaran Kognitif	12
1.8.2	Model Gaya Belajar	13
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	14
1.10	Definisi Operasi	15
1.10.1	Gaya Belajar Murid	16
1.10.2	Sikap	16
1.10.3	Minat	17
1.10.4	Pembelajaran Jawi	17
1.10.5	Murid Sekolah Rendah	18
1.11	Rumusan	18

BAB 2 KAJIAN LITERATUR 20

2.1	Pendahuluan	20
2.2	Konsep Gaya Belajar	20
2.2.1	Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn	21
2.2.2	Model Gaya Pembelajaran Kolb	25
2.2.3	Gaya Pembelajaran Honey dan Mumford	27
2.2.4	Gaya Pembelajaran Canfield	30
2.2.5	Gaya Belajar Selmes (1987)	32
2.3	Kajian tentang gaya pembelajaran	34
2.4	Kajian tentang Sikap terhadap pembelajaran	37

2.5	Kajian tentang Minat terhadap pembelajaran	39
-----	--	----

2.6	Rumusan	43
-----	---------	----

BAB 3	METODOLOGI	45
--------------	-------------------	----

3.1	Pendahuluan	45
-----	-------------	----

3.2	Kaedah Kajian	46
-----	---------------	----

3.3	Populasi dan Sampel Kajian	47
-----	----------------------------	----

3.4	Instrumen Kajian	47
-----	------------------	----

3.4.1	Soal Selidik	48
-------	--------------	----

3.5	Prosedur Pengumpulan Data	51
-----	---------------------------	----

3.6	Kesahan dan kebolehpercayaan	52
-----	------------------------------	----

3.7	Analisis Data	53
-----	---------------	----

3.7.1	Analisis Kuantitatif	53
-------	----------------------	----

3.7.2	Ujian Korelasi	54
-------	----------------	----

3.8	Rumusan	55
-----	---------	----

BAB 4	DAPATAN KAJIAN	56
--------------	-----------------------	----

4.1	Pengenalan	56
-----	------------	----

4.2	Profil Responden Kajian	57
-----	-------------------------	----

4.2.1	Jantina Murid	58
-------	---------------	----

4.2.2	Bangsa	58
-------	--------	----

4.2.3	Sekolah Agama	58
-------	---------------	----

4.2.4	Gred	59
-------	------	----

4.3	Dapatan Kajian	60
-----	----------------	----

4.3.1	Sikap Terhadap Pembelajaran Jawi Murid di Sekolah	60
4.3.2	Minat terhadap Pembelajaran Jawi Murid di Sekolah	60
4.3.3	Gaya Pembelajaran murid di Sekolah	61
4.3.4	Hubungan antara Sikap dengan Gaya Pembelajaran	63
4.3.5	Hubungan antara Minat dengan Gaya Pembelajaran	64
4.4	Kesimpulan	64

BAB 5 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN 66

5.1	Pengenalan	66
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	67
5.2.1	Sikap terhadap pembelajaran jawi murid tahun lima.	67
5.2.2	Minat terhadap pembelajaran jawi murid tahun lima.	68
5.2.3	Gaya Pembelajaran terhadap pembelajaran jawi murid tahun lima	70
5.2.4	Hubungan Gaya Pembelajaran mempengaruhi sikap terhadap pembelajaran jawi murid tahun lima.	71
5.2.5	Hubungan Gaya Pembelajaran mempengaruhi minat terhadap pembelajaran jawi murid tahun lima.	72
5.3	Implikasi Kajian	73
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	75
5.5	Kesimpulan	76

RUJUKAN

79

LAMPIRAN

84

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Soal Selidik Gaya Pembelajaran	49
3.2	Soal Selidik Sikap terhadap penguasaan jawi	50
3.3	Soal Selidik Minat terhadap pembelajaran jawi	50
3.4	Interpretasi Min	54
3.5	Tafsiran nilai pekali korelasi	54
4.1	Maklumat Demografi Responden	59
4.2	Analisis Min dan Sisihan Piawai Gaya Belajar Murid.	61
4.3	Hubungan Sikap Dengan Gaya Pembelajaran	63
4.4	Hubungan Minat Dengan Gaya Pembelajaran	64

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	15

SENARAI SINGKATAN

DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
j-QAF	Jawi Al-Quran Arab dan Fardhu Ain
KCJ	Kem Cemerlang Jawi
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PAK-21	Pembelajaran Abad ke 21
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
SPSS	Statistical Package for the Social Science
TP	Tahap Penguasaan

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang soal selidik
- B Surat Kelulusan EPRD
- C Analisis Data SPSS 26.0

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan perkara-perkara asas berkenaan kajian, bermula dengan latar belakang kajian yang berkaitan dengan pembelajaran jawi di Malaysia dan gaya pembelajaran murid, diikuti dengan beberapa pernyataan masalah berkenaan kajian yang telah dijalankan. Selain itu bab ini juga mengemukakan objektif kajian, soalan-soalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian secara lebih spesifik. Akhir sekali, bagi menjelaskan lagi kajian ini, pengkaji mengemukakan teori dan model yang digunakan dalam kajian, kerangka konseptual dan definisi operasional bagi memudahkan lagi pemahaman pembaca terhadap kajian yang dijalankan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sejak berabad lamanya tulisan jawi ini wujud. Ia merupakan satu seni dalam penulisan. Kedatangan Islam ke Nusantara berkait rapat dengan kewujudan tulisan Jawi ini. Tulisan jawi mempunyai sistem tulisan yang tersendiri yang digunakan oleh masyarakat melayu dan berperanan sebagai alat komunikasi dan pengembangan ilmu. Ini terbukti dalam kitab-kitab agama berupa hikayat, sejarah, falsafah dan lain-lain yang menggunakan tulisan jawi dalam penulisan mereka. Masyarakat dari dalam dan luar negara juga tertarik untuk belajar tulisan jawi dan agama setelah melihat ramainya ulama yang lahir dari Tanah Melayu. (Yaakub dan Ahmad Farid, 2007).

Menurut Hashim Musa (2006) kewujudan tulisan jawi ini berasal daripada huruf-huruf arab iaitu tulisan arab yang dimasukkan ke dalam sistem penulisan jawi. Tulisan jawi yang terdiri daripada 29 abjad dan tambahan lima huruf jawi digunakan oleh masyarakat melayu untuk menulis dalam bahasa melayu. Penulisan jawi ini berkembang pesat bukan hanya dikalangan masyarakat melayu tetapi kini bangsa lain juga mula menunjukkan minat dalam pembacaan jawi. Ini terbukti dalam akhbar Sinar Harian (Ogos 2019), yang menyatakan bahawa tulisan jawi bukan suatu perkara yang asing bagi masyarakat cina yang mempelajarinya sejak kemerdekaan. Ini menjadikan tulisan jawi lambang perpaduan kaum dan kebersamaan rakyat Malaysia. Namun begitu secara sedar mahu pun tidak kepentingan tulisan jawi mula berkurangan tidak seiring dengan perkembangan dunia era globalisasi yang menjadikan tulisan rumi mendominasi semua sudut termasuk akhbar, majalah dan internet. Akhbar Utusan Melayu yang diterbitkan bermula 29 Mei 1939 berformatkan tulisan jawi. Apabila tulisan rumi mendominasi akhbar, akhirnya akhbar Utusan Melayu bertukar ke tulisan

rumi dan pada masa kini Utusan Melayu bertulisan jawi hanya sisipan dalam akhbar sahaja. Alias Muhammad (2007).

Arfah A. Aziz (1992) menegaskan bahawa salah satu proses pembelajaran yang membosankan dan tidak menunjukkan peningkatan yang tinggi dikalangan murid adalah mata pelajaran jawi. Para guru juga tiada ruang untuk melakukan apa jua pembaharuan atau perubahan dalam subjek berkenaan. Rentetan itu, Norizan dan Nor Azan (2013) berpendapat bahawa kebolehan murid menguasai kemahiran asas membaca dan menulis jawi merupakan suatu tonggak dan gerbang utama dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Ini kerana kepelbagaian bahan dan sumber pendidikan Islam ditulis dengan menggunakan tulisan jawi. Malah sebelum itu, Asmawati et al, (2008), menekankan bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam perlu diajar sepenuhnya dalam tulisan jawi sama ada di peringkat sekolah rendah ataupun menengah. Malah pengenalan program j-QAF pada tahun 2004 yang diperkenalkan oleh Abdullah bin Hj Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri pada masa itu yang bertujuan untuk memperkasakan pengajaran Pendidikan Islam sekolah rendah dilaksanakan dengan jayanya. Bermula dengan kelas pemulihan jawi dan disusun semula berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dengan mewujudkan Kem Cemerlang Jawi (KCJ) pada tahun 2015 bagi murid-murid yang belum menguasai jawi. (Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia, Semakan 2019)

Naquiah dan Jimain (2016) berpendapat bahawa dalam mempertingkatkan martabat tulisan jawi sebagai warisan bangsa, penguasaan jawi dikalangan generasi muda perlu dipertingkatkan melalui beberapa pendekatan seperti kelas pemulihan jawi bagi menghasilkan generasi yang mampu menguasai kandungan ilmu dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dengan lebih baik. Justeru itu, pendekatan pembelajaran

jawi di sekolah perlu dilaksanakan agar dapat menggabungkan ke semua kemahiran yang diperlukan oleh murid berdasarkan saranan Kurikulum Pendidikan Islam dengan melihat melalui gaya pembelajaran, sikap dan juga minat murid terhadap pembelajaran jawi.

1.3 Pernyataan Masalah

Guru Pendidikan Islam pada masa kini menghadapi cabaran dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran jawi. Shitiq dan Mahmud (2010) mendapati murid sekolah rendah pada masa kini kurang berminat untuk mempelajari tulisan jawi kerana mereka berpendapat bahawa salah satu tulisan yang sukar difahami adalah tulisan jawi.

Menjadi satu cabaran utama kepada semua pihak ke arah pemeliharaan jawi adalah dengan cara memastikan murid menguasai kemahiran menggunakan tulisan jawi. Ini berdasarkan persepsi murid yang mengatakan bahawa tulisan jawi itu sukar untuk difahami. Nik Rusila (2007) mengatakan bahawa masalah pencapaian yang rendah dalam pembelajaran jawi masih di tahap yang paling rendah terutama dalam subjek Pendidikan Islam. Akibat kelemahan penguasaan pembelajaran jawi ini akan membawa kesan yang mendalam kepada murid semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam dijalankan termasuklah dalam pembacaan Al-quran, Hadis, buku teks, bahan rujukan dan kitab-kitab yang mempunyai tulisan jawi. Oleh itu bagi meningkatkan penguasaan jawi dikalangan murid, suatu usaha perlu dilakukan bagi mengatasi masalah ini.



Fenomena dikalangan generasi muda pada masa kini lebih berminat membaca tulisan rumi dan menjadikan tulisan rumi sebagai tulisan utama dalam kehidupan seharian. Ini terbukti apabila akhbar Utusan Melayu pada suatu masa dahulu yang telah bertukar kepada tulisan rumi sejak merdeka. Pada tanggal 29 Januari 2006 secara rasminya penerbitan akhbar Utusan Melayu Mingguan telah memperlihatkan bangsa melayu yang mengambil sikap tidak peduli dan kurang minat terhadap warisan seni bangsa ini (Asyraf Ridwan & Berhanundin 2014). Berdasarkan kajian tinjauan yang dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1998), mendapati bahawa kebolehan mengenal jawi dikalangan orang melayu telah merosot bagi kelompok yang berusia 30 tahun ke bawah. Dikalangan responden dalam lingkungan usia 20 hingga 29 tahun, hanya 32% yang boleh mengenal jawi, menulis dan mampu membacanya. Manakala kelompok yang berusia 20 tahun ke bawah hanya mampu mengenal huruf jawi sahaja.

Fenomena tersebut amat berbeza dengan mereka yang berusia 40 tahun ke atas, kerana 100% daripada mereka mampu membaca dan menulis jawi (Abdul Jamal bin Abu Samah, 2000). Kajian yang dijalankan oleh Amrina dan Khairulnazrin (2022) menunjukkan bahawa kelemahan penguasaan jawi dikalangan pelajar sekolah menengah dilihat apabila pengajaran guru tersebut terpaksa menggunakan tulisan rumi semasa PdPc Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah bagi memberi kefahaman kepada pelajar tentang pelajaran. Ini menyebabkan proses pengajaran subjek Pendidikan Islam tertangguh dan tidak dapat diajar dalam tulisan jawi.

Berdasarkan dapatan daripada Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Selangor menerusi Dialog Prestasi Sekolah Rendah, KPM pada tahun 2020, tahap penguasaan murid tahun lima di salah sebuah sekolah di Daerah Hulu Selangor menunjukkan TP1 hingga TP3 yang masih belum menguasai pembelajaran Jawi masih tinggi (69.06%)



berbanding TP4 hingga TP6 yang melepasi tahap penguasaan Jawi hanya (30.94%). Pada Tahun 2021 murid tahun lima yang menguasai TP1 hingga TP3 sebanyak 47.24% hampir menyamai peratusan TP4 hingga TP6 iaitu 52.75%. Ini menunjukkan murid tahun lima yang belum melepasi tahap penguasaan masih berada pada tahap yang sederhana.

Rentetan itu, pelbagai usaha dilakukan bagi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meningkatkan minat dan penguasaan murid dalam jawi antaranya Kem Cemerlang Jawi (KCJ) yang telah dibuat semakan oleh KPM 2018, tetapi masih terdapat murid yang lemah menguasai jawi. Dapatan kajian yang dijalankan oleh Zukifli dan Saidi (2008), murid yang lemah penguasaan jawi menghadapi masalah dalam pembacaan Al-Quran, manakala murid yang menguasai jawi tidak masalah dalam pembacaan Al-quran. Prestasi rendah dalam penguasaan jawi juga akan menunjukkan prestasi Pendidikan Islam yang rendah. Ini menunjukkan bahawa penguasaan jawi merupakan komponen penting untuk membaca Al-Quran, Hadis dan buku-buku yang diterbitkan dalam tulisan jawi seperti buku teks sekolah. Tambahan pula pada masa kini subjek jawi (khat) mula diperkenal di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) bagi murid tahun empat dengan penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dalam subjek Bahasa Melayu, usaha ini dilakukan bagi mengekalkan warisan sejarah Tanah Melayu dikalangan bangsa lain tanpa melibatkan agama, (KPM 2018).

Sehubungan dengan itu, untuk melihat penguasaan murid dalam jawi, gaya pembelajaran murid juga menjadi salah satu sebab berlakunya kemerosotan penguasaan jawi dikalangan mereka. Menurut Yahya et al. (2003) gaya belajar seseorang murid akan mempengaruhi pencapaian mereka dalam pembelajaran. Kesesuaian gaya belajar



murid itu bergantung kepada individu dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan keluarga dan faktor rangsangan rakan sebaya. Sehubungan dengan itu, menurut Rashid (2008) mengatakan bahawa murid mempunyai gaya belajar yang pelbagai, ada dikalangan murid yang suka berkolaboratif bersama rakan dalam kumpulan dan ada juga di kalangan mereka yang gemar untuk belajar sendiri tanpa bantuan rakan atau orang dewasa. Adakalanya murid ini menerima pembelajaran melalui syarahan atau penerangan guru. Semua ini menjadi faktor kepada peningkatan penguasaan pembelajaran murid itu sendiri. Ini merupakan satu mekanisma dalam mengukur pencapaian pelajar melalui gaya pembelajaran mereka dalam penguasaan jawi. Kesannya dapat diukur setelah tahap pencapaian dalam pembelajaran jawi dapat diketahui sama ada cemerlang atau pun tidak. Oleh hal yang demikian, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pola gaya pembelajaran dalam kalangan murid sekolah rendah yang lebih dominan sama ada rangsangan persekitaran, rangsangan emosional, rangsangan sosiologi, rangsangan fizikal dan rangsangan psikologi termasuk implikasinya terhadap pencapaian pelajaran jawi mereka.

Dalam masalah penguasaan Kemahiran Jawi dikalangan murid, guru juga memainkan peranan yang sangat penting terhadap penguasaan jawi murid. Pengaruh sikap dan minat murid terhadap jawi juga bergantung kepada pengajaran guru itu sendiri. Menurut Ali et al. (2018) mendapati masih terdapat para guru yang gagal menguasai kemahiran jawi dan lebih merisaukan ada kalangan guru Pendidikan Islam yang masih 'buta' jawi. Kegagalan penguasaan kemahiran jawi oleh guru menyebabkan kemerosotan penguasaan jawi murid seterusnya akan mengakibatkan hilangnya minat murid terhadap pembelajaran jawi. Ini kerana penguasaan jawi murid dengan proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai kaitan yang sangat rapat. Muhammad Hiay



(2021) dalam kajiannya mengatakan bahawa terhadap hubungan yang positif di antara penguasaan jawi murid dengan proses pengajaran mata pelajaran Jawi dikalangan guru Pendidikan Islam. Pengajaran guru menjadi salah satu faktor penyumbang kepada kepada kelemahan murid tahun tiga dalam penguasaan Kemahiran literasi di sebuah sekolah di Sarawak (Md Shamilin, 2012).

Kajian yang dijalankan oleh Abu Bakar et. al (2012) berdasarkan kajian beliau mendapati bahawa faktor kelemahan penguasaan jawi dikalangan murid sekolah rendah adalah terdapat dikalangan guru Pendidikan Islam tidak mempunyai kemahiran khusus dalam pengajaran Jawi. Kesan ini menyebabkan penguasaan jawi dikalangan murid masih lemah dan prestasi murid dalam subjek Pendidikan Islam juga menurun.

Tahap penguasaan murid yang pelbagai juga menyukarkan proses pengajaran dan pembinaan bahan pengajaran yang sesuai. Dengan keadaan nisbah bilangan guru dengan murid yang ramai dalam satu kelas dan tidak seimbang juga menyebabkan guru tidak dapat menyesuaikan kaedah pengajaran dengan gaya pembelajaran murid yang pelbagai ragam. Ini akan memberi kesan kepada penyampaian guru dan murid tidak berminat untuk mengikuti pembelajaran, (Dayang dan Muhammad 2021). Perhatian yang menyeluruh perlu diambil terhadap masalah hilangnya minat dan tumpuan murid untuk belajar terutama mata pelajaran jawi sehingga murid berasa seronok untuk belajar dan pencapaian mereka dalam pelajaran akan meningkat.

Berdasarkan pernyataan di atas, menjadi satu keperluan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini bagi memberi kesedaran kepada guru dan murid tentang gaya pembelajaran yang mereka kuasai dan penerimaan mereka terhadap pembelajaran abad ke 21 (PAK-21) yang dapat membantu meningkat penguasaan mereka terhadap

pelajaran jawi mereka dengan lebih cemerlang. Murid juga akan mengetahui gaya pembelajaran yang lebih dominan untuk mereka gunakan semasa PdPc dijalankan. Guru juga akan lebih memahami apakah gaya belajar, sikap dan minat yang sesuai bagi murid untuk mereka lebih menguasai mata pelajaran yang mereka pelajari. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara sikap, minat dan gaya belajar terhadap pembelajaran jawi dan akan dijalankan dalam kalangan murid tahun lima sekolah rendah di Hulu Selangor.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengenalpasti sikap murid terhadap pembelajaran jawi.
2. Mengenalpasti minat murid terhadap pembelajaran jawi.
3. Mengenalpasti gaya pembelajaran murid terhadap pembelajaran jawi.
4. Menilai hubungan antara sikap dan gaya pembelajaran murid terhadap pembelajaran jawi.
5. Menilai hubungan antara minat dan gaya pembelajaran murid terhadap pembelajaran jawi.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan jawapan untuk soalan-soalan berikut:

1. Apakah sikap murid tahun lima Daerah Hulu Selangor terhadap pembelajaran jawi?
2. Apakah minat murid tahun lima Daerah Hulu Selangor terhadap pembelajaran jawi?
3. Apakah gaya pembelajaran murid tahun lima Daerah Hulu Selangor dalam mempelajari terhadap pembelajaran jawi?
4. Adakah gaya pembelajaran murid tahun lima Daerah Hulu Selangor mempengaruhi sikap terhadap pembelajaran jawi?
5. Adakah gaya pembelajaran murid tahun lima Daerah Hulu Selangor mempengaruhi minat terhadap pembelajaran jawi?

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil atau dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran tentang pola sikap, minat dan gaya belajar di kalangan murid sekolah rendah terhadap pembelajaran Jawi. Di mana penemuan ini akan dapat memberi panduan kepada pihak sekolah terutamanya guru-guru Pendidikan Islam bagi mengenalpasti perbezaan sikap, minat dan gaya belajar dikalangan murid mereka.

Sehubungan itu, dapatan kajian ini diharap akan dapat memberi panduan kepada guru-guru Pendidikan Islam mengenai perancangan strategi pengajaran yang lebih teliti yang bersesuaian dengan sikap, minat dan gaya belajar murid mereka berdasarkan PAK-21. Adalah menjadi keperluan kepada para guru Pendidikan Islam mengetahui sikap, minat dan gaya pembelajaran murid mereka agar dapat disesuaikan dengan pembelajaran jawi yang dirancang berdasarkan Standard Pembelajaran yang telah ditetapkan. Dengan itu guru akan dapat menimbulkan suasana pembelajaran yang

kondusif, kreatif dan menyeronokkan untuk murid terus belajar dan akhirnya memperoleh pencapaian mata pelajaran jawi yang cemerlang.

Bukan setakat dalam bilik darjah, dapatan kajian ini boleh digunakan untuk aktiviti di luar bilik darjah dengan melibatkan pelbagai program yang dirancang untuk penambahbaikan pembelajaran jawi dengan menyesuaikan sikap, minat dan gaya pembelajaran mereka dengan objektif perancangan program tersebut. Dengan ini sedikit sebanyak dapat membantu murid memilih dan menyesuaikan gaya pembelajaran mereka agar penguasaan terhadap pembelajaran jawi meningkat.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan terhadap 349 orang murid tahun lima sekolah rendah di Daerah Hulu Selangor sahaja. Penyelidik memilih sampel murid tahun lima sekolah rendah kerana, tahap penguasaan mereka dalam mata pelajaran jawi masih di tahap kurang memuaskan. Selain itu terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi dapatan kajian. Antaranya adalah faktor kematangan murid. Murid tahun lima lebih matang dalam menjawab soalan kaji selidik yang diedarkan. Kajian hanya tertumpu kepada sikap, minat dan gaya pembelajaran terhadap pembelajaran jawi. Faktor-faktor lain seperti agama, bangsa dan taraf sosioekonomi adalah di luar kawalan kajian.



1.8 Kerangka Teori

1.8.1 Teori Pembelajaran Kognitif

Teori Perkembangan Kognitif Piaget, 1970 (Mok Soon Sang, 2010) mendapati bahawa setiap peringkat umur kanak-kanak mempunyai perkembangan kognitif berbeza-beza dan berubah-ubah. Perkembangan kognitif ini akan mempengaruhi pembentukan konsep kanak-kanak mengikut peringkat umur, sama ada secara konkrit ataupun abstrak. Beliau juga berpendapat bahawa apabila berlaku interaksi dengan individu lain, sama ada perkara atau benda yang wujud di sekeliling mereka, maka telah berlaku satu proses pembelajaran dalam pengubahsuaian diri dengan alam sekitar. Teori ini mengandungi lima konsep asas yang berkait rapat dengan pembelajaran kognitif individu iaitu skema, adaptasi, keseimbangan asimilasi dan akomodasi.



i) Skema

Skema merupakan model tingkah laku asas individu yang ditonjolkan semasa berlaku proses pengubahsuaian diri dengan alam sekitar. Proses pengubahsuaian diri ini merujuk kepada kebolehan dan pengalaman individu yang dipelajari atau diwarisi seperti aksi, bahasa, pemikiran, pandangan ataupun idea. Maka skema individu merupakan tingkah laku yang sering berubah mengikut pembelajarannya.

ii) Adaptasi dan Keseimbangan

Adaptasi dan keseimbangan saling berkait dan mempengaruhi antara satu sama lain. Dalam kehidupan seharian, sekiranya skema yang sedia ada telah memadai untuk memenuhi keperluan kehidupan semasa proses pengubahsuaian diri, maka pengalaman



baru atau pembelajaran baru tidak akan berlaku. Apabila skema (bentuk tingkah laku) belum berubah maka adaptasi juga tidak akan berubah.

Oleh itu perhubungan dalaman dan luaran individu adalah dibawah keseimbangan. Bagi mengekalkan keseimbangan individu perlu mengubahsuai diri melalui adaptasi dan ia merupakan satu proses pembelajaran.

iii) Asimilasi dan Akomodasi

Dalam mengekalkan keseimbangan iaitu mendapat kepuasan kerana motivasi, individu perlu mengubahsuai diri melalui proses adaptasi. Menurut pandangan Piaget, adaptasi merangkumi dua bentuk iaitu asimilasi dan akomodasi. Secara keseluruhannya kedua-duanya saling berkait rapat dan saling melengkapi dalam pembentukan proses pembelajaran kognitif. Murid belajar melalui proses adaptasi, kemudian mengorganisasi ilmu dan maklumat melalui proses asimilasi, mentransformasi dan struktur kognitif melalui ilmu dan pengetahuan sedia ada.

Bagi ilmu dan maklumat yang tidak seimbang dengan tingkah laku (skema), proses akomodasi digunakan dengan cara menyusun semula dan menyesuaikan dalam struktur kognitif. Dengan ini ilmu pengetahuan murid dapat dipertingkatkan dan diperkembangkan kepada tahap yang lebih tinggi. Guru-guru juga perlu menggalakkan murid mereka melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran.

1.8.2 Model Gaya Belajar

Model gaya belajar yang digunakan pengkaji dalam kajian ini adalah berasaskan kepada Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn iaitu rangsangan persekitaran, rangsangan

emosional, rangsangan sosiologi, rangsangan fizikal dan rangsangan psikologi. Model Gaya Belajar Dunn dan Dunn ini memberi kesan yang sangat penting terhadap gaya pembelajaran individu dalam mata pelajaran jawi.

Pengkaji memilih model Gaya Belajar Dunn dan Dunn ini kerana model gaya belajar ini berdasarkan prinsip di mana kebanyakan individu mampu dan berupaya untuk belajar dengan cara memproses maklumat, menumpu perhatian, menyerap dan mengingat segala ilmu pengetahuan baru atau kemahiran yang sukar dipelajari. Berdasarkan rangsangan yang terdapat dalam model ini memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat berkenaan gaya belajar murid daripada pelbagai sudut sama ada melalui persekitaran, emosi, sosiologi, fizikal dan juga psikologi mereka.

Rangsangan-rangsangan yang dikemukakan oleh Dunn dan Dunn ini menunjukkan penerimaan setiap individu yang berbeza mengikut rangsangan yang ditetapkan. Hasil penerimaan mereka juga bergantung kepada gaya pembelajaran mengikut rangsangan yang terdapat dalam model gaya belajar Dunn dan Dunn. Justeru itu perbezaan ini secara langsung akan menggambarkan tahap sikap dan minat mereka terhadap pembelajaran jawi murid sama ada cenderung kepada persekitaran, emosional, sosiologi, fizikal atau psikologi.


1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Menurut Norwood (2000), kerangka konsep ini selalunya lebih bersifat sementara dan belum muktamad dengan sepenuhnya jika dibandingkan dengan kerangka teori. Pada

asasnya, pengkaji menjadikan kerangka konsep sebagai sumber panduan dalam menentukan elemen-elemen yang akan digunakan dalam kajiannya. Kerangka konsep ini merangkumi rajah yang mengandungi penerangan berbentuk rajah yang lebih jelas, ringkas dan mudah difahami.

Kerangka konseptual yang dibina adalah seperti di dalam rajah 1.1. Berdasarkan kepada model ini, gaya pembelajaran murid dapat dilihat berdasarkan kepada pencapaian sampel dalam soal selidik. Pembolehubah yang tidak bersandar yang terdapat dalam kajian ini adalah soal selidik berkenaan sikap dan minat terhadap pembelajaran jawi. Manakala pembolehubah bersandar pula ialah soal selidik berkenaan gaya pembelajaran Dunn dan Dunn. Dan hubungan kedua-dua pembolehubah tersebut adalah pembelajaran jawi murid tahun lima sekolah rendah di

Daerah Hulu Selangor.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

1.10 Definisi Operasi

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Berikut adalah definisi bagi istilah-istilah tersebut:

1.10.1 Gaya Belajar Murid

Gaya membawa maksud cara kelakuan yang menjadi ciri, (Kamus Dewan, 2015). Manakala belajar pula membawa maksud berusaha untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Gaya belajar murid boleh disimpulkan sebagai cara seseorang murid untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dengan cara belajar yang tersendiri. Dalam konteks psikologi pendidikan, gaya pembelajaran merupakan cara seseorang murid itu memberi perhatian dan tindak balas dalam memproses dan mendapatkan maklumat, ilmu pengetahuan atau pengalaman baru.

1.10.2 Sikap

Dalam kajian ini, sikap sinonim dengan gaya atau lagak seseorang terhadap sesuatu perkara secara positif atau tidak positif terhadap pelbagai pandangan manusia, objek atau situasi. Menurut Ainun, Zamri dan Wan (2017), sesuatu yang boleh mendorong murid menguasai pembelajaran jawi dengan lebih mudah dan cepat adalah dengan sikap, motivasi dan pencapaian mereka dalam pembelajaran. Kesan pada jangka masa yang panjang akan melahirkan masyarakat yang berdaya saing dalam pelbagai bidang dengan negara maju.

1.10.3 Minat

Minat pula merujuk kepada kecenderungan atau keinginan yang kuat terhadap sesuatu. Dalam konteks pembelajaran, menurut Woolfolk (1998) salah satu perkara yang boleh mempengaruhi peningkatan dan penguasaan murid dalam pembelajaran adalah minat dan usaha mereka.

Kajian yang dijalankan oleh Noraini Omar (2008) mendapati bahawa terdapat hubungan antara sikap dengan pencapaian murid dalam matapelajaran Pendidikan Islam. Minat juga dikaitkan dengan sikap. Apabila seseorang murid itu menunjukkan minat terhadap sesuatu pembelajaran akan wujud sikap yang positif yang cenderung kepada peningkatan pembelajaran yang lebih bermakna dan berkesan. Tetapi sebaliknya jika tiada kecenderungan minat terhadap pembelajaran tersebut maka tidak akan meninggalkan kesan yang positif kepada mereka. (Zulina, Mohamed dan Roslina, 2011)

1.10.4 Pembelajaran Jawi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) Jawi adalah sejenis tulisan yang digunakan dalam penulisan bahasa melayu yang terdiri daripada huruf-huruf arab dan beberapa huruf tambahan. Pada zaman dahulu, ia merupakan sastera Islam yang penting. Buku-buku jenis Sastera dan Sejarah Melayu Klasik di samping kitab-kitab agama. Pada masa tersebut kebanyakannya ditulis dalam tulisan Jawi (Dr.Othman Mohd Yatim,1989). Pembelajaran jawi pula merujuk kepada sukatan pelajaran (KSSR)

yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang wajib diajar di sekolah rendah berdasarkan DSKP semakan 2017.

1.10.5 Murid Sekolah Rendah

Murid sekolah rendah merujuk kepada murid-murid yang berada dalam tahun 1 hingga tahun 6 di sekolah rendah bantuan penuh kerajaan di Daerah Hulu Selangor.

1.11 Rumusan

Setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Mereka akan mengaplikasikan gaya pembelajaran mereka mengikut kesesuaian berdasarkan sikap dan minat mereka terhadap pelajaran jawi. Oleh itu, sebagai seorang guru Pendidikan Islam berperanan menjadikan mata pelajaran jawi sebagai pelajaran yang diminati oleh murid-murid dan kekal sehingga ke akhir zaman. Selain itu guru juga perlu memahami setiap kemampuan murid dalam pembelajaran jawi. Dengan ini guru-guru dapat menarik minat murid dengan setiap aktiviti yang dirancang dalam PdPc jawi. Perancangan aktiviti boleh diambil kira penglibatan murid secara aktif dan guru sebagai pemudahcara.

Gaya pembelajaran yang sesuai mampu meningkatkan tahap pencapaian mata pelajaran jawi dikalangan murid. Selain itu, guru juga harus mewujudkan suasana yang selesa, kreatif dan menyeronokkan untuk murid terus belajar dan memperolehi

keputusan pencapaian jawi yang cemerlang. Pada masa akan datang, kajian seumpama ini terutamanya berkaitan gaya pembelajaran terhadap mata pelajaran jawi mahupun Pendidikan Islam diteruskan lagi bagi menjamin kesinambungan tulisan jawi dalam kehidupan seharian. Demi menjadikan jawi sebagai asas pembacaan Al-Quran, pembelajaran dalam Pendidikan Islam dan kehidupan seharian dalam kalangan murid-murid.